

**Overview Entrepreneurial Tendency Among Students In Academy Of Contemporary Islamic Studies Uitm Shah Alam**

**Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari Uitm Shah Alam**

Zainur Nadiyah Baharudin<sup>i</sup>, Muhammad SyahrulDeen Ahmad Rosli<sup>ii</sup>, Noor Aznaim Abd Latifi<sup>iii</sup>,  
Mohamad Afandi Md Ismail<sup>iv</sup> & Muhamad Hasif Yahaya<sup>v</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. zainadia90@uitm.edu.my  
<sup>ii</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. syahruldeen@uitm.edu.my  
<sup>iii</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. azreym21@yahoo.com  
<sup>iv</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. mohamadafandi@uitm.edu.my  
<sup>v</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. hasifyahaya@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>A career in entrepreneurship provides a wide range of opportunities in generating income and creating employment opportunities, especially for university students. However, careers in entrepreneurship are less commercial among students, and most students are more exposed to salaried careers than entrepreneurship. Thus, this article will discuss the tendency of Islamic studies students towards entrepreneurship. This study uses a questionnaire survey method; a total of 219 students from the Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) UiTM Shah Alam were selected as respondents in this study. The questionnaire results were then analyzed using a descriptive quantitative design using IBM SPSS Statistics software to answer the study's objectives. The results showed that ACIS students had a positive impression of entrepreneurship driven by motivational factors, family, academic outcomes, subjects of study, entrepreneurial and economic skills. They have been exposed to entrepreneurship subjects and entrepreneurship training at the university level. This study also shows that the exposure of studies in entrepreneurship that students have followed can change students' inclinations towards entrepreneurship.</i></p> <p>Keywords: <i>Tendency, Entrepreneurship, Students, UiTM, Islamic Studies.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kerjaya dalam bidang keusahawanan menyediakan peluang yang luas dalam menjana pendapatan serta mencipta peluang pekerjaan khususnya kepada pelajar universiti. Namun kerjaya dalam usahawan ini kurang komersial di kalangan pelajar dan kebanyakan pelajar lebih terdedah terhadap kerjaya makan gaji berbanding keusahawanan. Justeru, artikel ini akan membincangkan mengenai kecenderungan pelajar pengajian Islam terhadap keusahawanan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik, seramai 219 pelajar dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Hasil soal selidik kemudian dianalisis menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif dengan menggunakan perisian</i></p>

	<p><i>IBM SPSS Statistik bagi menjawab objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar ACIS mempunyai impresi yang positif terhadap keusahawanan yang terdorong oleh faktor motivasi, keluarga, hasil pengajian, subjek pengajian, kemahiran keusahawanan dan ekonomi. Hal ini kerana mereka telah didedahkan kepada matapelajaran keusahawanan dan juga latihan keusahawanan di peringkat universiti. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendedahan pengajian dalam keusahawanan yang telah diikuti pelajar mampu mengubah kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kecenderungan, Keusahawanan, Pelajar, UiTM, Pengajian Islam.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melancarkan 10 lonjakan pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2015-2025 bagi menyemai minda keusahawanan dalam kalangan pelajar serta dapat mencipta peluang pekerjaan dan bukan sekadar pencari pekerjaan. Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang dan menjadi faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan bidang ini telah menjadi satu kerjaya pilihan bagi generasi muda terutamanya di negara-negara maju (Norasmah & Salmah, 2011). Dengan adanya usahawan dalam bidang perniagaan dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, maka budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan (Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun, 2010).

Banyak ikon keusahawanan muda yang telah berjaya mencipta kejayaan dalam keusahawanan dalam usia dua puluhan antaranya Steve Jobs pengasas Apple, Mark Zuckerberg pengasas Facebook dan ikon Malaysia Vivy Yusof pengasas FashionValet dan Neelofa pengasas NH Prima International. Golongan belia merupakan segmen yang besar dalam populasi penduduk di Malaysia tahun 2020 pada peringkat umur 20 hingga 29 tahun dengan peratusan sebanyak 19.5% yang menyamai jumlah 6380.3 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Kerjaya keusahawanan mula menjadi minat golongan belia apabila melihat kerjayaan usahawan muda yang menarik minat mereka berniaga. Justeru itu, peranan dari tokoh usahawan menjadi panduan pelajar untuk memahami dan membantu pelajar cara menjalankan perniagaan sehingga berjaya dalam dunia keusahawanan (Wan Nawang & Mamat, 2020).

Kecanggihan teknologi pada harini secara tidak langsung mendorong minat pelajar untuk terlibat dalam keusahawanan di tambah pula peluang pekerjaan semakin sukar pada masa kini. Menurut (Eriniwati Aliza Miat, 2014) masalah pengangguran boleh diatasi dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya mantap yang dapat memberi peluang dengan potensi yang lebih tinggi untuk diterokai oleh pelajar. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Shah Alam.

## KAJIAN LITERATUR

Kerjaya merupakan elemen penting dalam kehidupan individu kerana akan mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan seseorang (Azwin Darlina et al., 2021). Kerjaya keusahawanan perlu diterokai dengan melihat pada sumber yang ada disekeliling dan seorang usahawan akan cuba melakukan perkara yang tidak berani dilakukan oleh orang lain (Korotov et al., 2011). Oleh itu, penglibatan dalam bidang keusahawanan memberi ruang kepada individu untuk bekerja mengikut apa yang diinginkan mereka bagi meneroka dan mencipta peluang yang memungkinkan pulangan yang cukup lumayan (Norasmah & Salmah, 2011).

Individu yang memilih kerjaya menjadi usahawan akan terinspirasi apabila ada niat yang kuat dan akan mula mencari peluang keusahawanan yang ada (Asante & Affum-Osei, 2019). Antara kaedah yang berkesan di dalam menarik minat keusahawanan


terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi ialah pembelajaran melalui pengalaman iaitu mereka mendapatkan pengalaman dan pendedahan awal sebagai usahawan dengan membuka perniagaan kecil-kecilan di kampus atau luar kampus (Norasmah & B. T. Poo, 2012). Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan media sosial juga menggalakkan pelajar memilih bidang keusahawanan (Khalil et al., 2021). Namun begitu, dorongan dan galakan yang diberikan seharusnya seiring dengan kekuatan niat dalam diri individu atau pelatih itu sendiri untuk menentukan keupayaan dan kesungguhan dalam menceburi bidang keusahawanan ini sebagai peluang kerjaya (Normala, 2009).

Manakala kajian (Abdullah, 2018) mendapati motivasi merupakan faktor dominan pelajar untuk cenderung ke dalam bidang keusahawanan kerana pelajar seringkali dipengaruhi oleh persekitaran positif yang memberikan keyakinan kepada mereka untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Seterusnya kajian oleh (Salmianti, 2013) mendapati latarbelakang keluarga yang memiliki perniagaan mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi terhadap kerjaya keusahawanan berbanding pelajar yang keluarganya tidak memiliki perniagaan. Ini menunjukkan bahawa pendidikan tidak formal yang diterima dari ahli keluarga mendorong pelajar cenderung ke dalam bidang keusahawanan.

Aspek pendidikan juga dapat membantu pelajar untuk meminati kerjaya keusahawanan. Kajian yang dijalankan oleh (Ravi & Nor Aishah, 2016) pendidikan merupakan penyumbang kepada pembangunan sikap dan niat. Sikap dan keinginan di Institusi Pengajian Tinggi adalah sangat penting dalam meramalkan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Oleh itu, pendidikan adalah alat yang ampuh untuk meningkatkan sikap dan keinginan dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Oleh itu, apabila seseorang begitu fokus dan meminati sesuatu, kejayaan akan datang menyusul (Lisa Lockwood, 2014).

Kajian (Seng et al., 2019) mendapati kemahiran keusahawanan secara tidak langsung mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan seperti penglibatan diri pelajar dalam aktiviti keusahawanan, hari sukan dan tadbir urus kelab. Aktiviti keusahawanan seperti pelaksanaan karnival keusahawanan juga dapat meningkatkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar (Mohammad Suwardi Mohd Yusof et al., 2017). Dalam kajian yang dijalankan oleh (Wan Nawang et al., 2015) terhadap pelajar yang mengikuti Program Tunas Niaga mendapati bahawa pelajar memilih bekerja sebagai usahawan dapat menjana ekonomi dengan memberikan mereka pendapatan, dapat membayar hutang, membuat tabungan, persediaan persaraan dan keinginan memiliki kehidupan yang selesa juga mendorong pelajar menceburi kerjaya keusahawanan.

Hasil beberapa kajian terdahulu telah menyumbang idea dalam membina kerangka konseptual sepertimana ditunjukkan pada Rajah 1. Rajah tersebut menunjukkan peramal seperti motivasi, keluarga, hasil pengajian, subjek pengajian, kemahiran keusahawanan dan ekonomi adalah pembolehubah tidak bersandar. Manakala kecenderungan keusahawanan adalah pembolehubah bersandar.



Rajah 1.0: Kerangka Model Kajian

Maka hipotesis kajian ini dibina sepertimana berikut:

H1: Terdapat pengaruh bagi peramal motivasi terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar.

H2: Terdapat pengaruh bagi peramal keluarga terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar

H3: Terdapat pengaruh bagi peramal hasil pengajian terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar

H4: Terdapat pengaruh bagi peramal subjek pengajian terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar

H5: Terdapat pengaruh bagi peramal kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar

H6: Terdapat pengaruh bagi peramal ekonomi terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif yang dilakukan secara tinjauan. Pengumpulan data bagi kajian yang dijalankan ini adalah menerusi borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian kepada responden. Bagi memastikan instrumen soal selidik ini boleh diguna pakai, satu kajian rintis telah dijalankan. Ujian Cronbach Alpha telah digunakan untuk menguji kebolehpercayaan soal selidik. Hasil ujian Cronbach Alpha menunjukkan bahawa nilai kesahan melebihi 0.5.

Populasi kajian ini seramai 219 pelajar yang terdiri dari pelajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam yang mengikut program Ijazah Sarjana Muda Muamat dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Halal. Jumlah 219 pelajar ini merupakan jumlah pelajar yang mengambil subjek keusahawanan bagi semester 2021.

Pembinaan item kecenderungan kerjaya keusahawanan diukur dengan menggunakan peramalan motivasi, keluarga, hasil pengajian, subjek pengajian, aktiviti pelajar dan ekonomi. Analisis Linear Regresi digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh peramal terhadap kecenderungan kerjaya keusahawanan pelajar. Manakala bagi pengekodan data, setiap item akan dimasukkan dalam kod peramalan (NU) dan kecenderungan keusahawanan (KU), seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.0 di bawah:

Jadual 1.0: Pengekodan Pemboleh Ubah Dari Kerangka Model Kajian

Dimension	Kod	Item
Peramalan (Predictors)	NU1	Motivasi
	NU2	Keluarga
	NU3	Hasil pengajian
	NU4	Subjek pengajian
	NU5	Kemahiran Keusahawanan
	NU6	Ekonomi
Kecenderungan Keusahawanan	KU	Kecenderungan dalam menjadi usahawan muda

### DAPATAN KAJIAN

#### Analisis Deskriptif Responden

Berdasarkan kepada taburan purata Mean dalam jadual 1.1 di bawah, taburan setiap pemboleh ubah mempunyai jurang yang kecil, bermula daripada yang paling tinggi purata adalah NU4 (subjek pengajian) pada purata mean = 6.05 kepada yang paling terendah NU5 (kemahiran keusahawanan) pada nilai 4.18 sahaja. Interpretasi awal menunjukkan purata yang paling tinggi NU4 (subjek pengajian) dipilih oleh majoriti responden yang berjumlah seramai 210 orang (n=219). Ini menunjukkan subjek pengajian yang dipelajari seperti

subjek keusahawanan memberi dominan yang tinggi untuk mendorong pelajar kecenderungan kepada keusahawanan.

Jadual 1.1: Deskriptif statistik

	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>	<i>N</i>
KU	4.57	1.347	219
NU1	5.32	1.168	219
NU2	5.84	1.110	219
NU3	5.70	1.162	219
NU4	6.05	1.087	219
NU5	4.18	1.303	219
NU6	4.69	1.261	219

Menerusi jadual 1.2,  $R^2$  digunakan di dalam mengukur varians, yang dijelaskan dalam setiap kerangka yang bersifat endogenous (Shmueli dan Koppius, 2011).  $R^2$  juga dapat menilai kekuatan peramalan menerusi regresi linear (Rigdon, 2012; Henseler et al., 2009; Hair et al., 2011). Ia dapat menunjukkan peratusan varians dalam pemboleh ubah bersandar yang dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas secara kolektif. Ia mengukur kekuatan hubungan antara pemboleh ubah pada skala 0 - 100% dengan mudah. Cohen (1988) mengklasifikasikan tiga kategori R-persegi, 0.02 lemah, 0.13 sederhana dan 0.26 tinggi, oleh itu berdasarkan dari kajian ini, NU 1 hingga 6 masing-masing didapati berskala tinggi.

Jadual 1.2: nilai  $R^2$ 

Model	<i>R</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R Square</i>	<i>Std. Error of the Estimate</i>
1	.711 <sup>a</sup>	.505	.491	.961

a. Predictors: (Constant), NU6, NU1, NU5, NU4, NU3, NU2

Jadual 1.3 menunjukkan senarai perkaitan kolerasi. Kesemua nilai kolerasi pearson menunjukkan julat antara 1.0 hingga 0.228. Manakala kesemua kolerasi item di dalam peramalan (NU) adalah signifikan dengan nilai 0.00. Ini dapat memberi makna bahawa kesemua item mempunyai perkaitan di antara satu sama lain.

Jadual 1.3 Perkaitan kolerasi

		KU	NU1	NU2	NU3	NU4	NU5	NU6
<i>Pearson Correlation</i>	KU	1.000	.441	.485	.581	.443	.447	.672
	NU1	.441	1.000	.661	.646	.545	.228	.453
	NU2	.485	.661	1.000	.718	.740	.298	.536
	NU3	.581	.646	.718	1.000	.687	.381	.617
	NU4	.443	.545	.740	.687	1.000	.302	.482
	NU5	.447	.228	.298	.381	.302	1.000	.561
	NU6	.672	.453	.536	.617	.482	.561	1.000
	<i>Sig. (1-tailed)</i>	KU	.	.000	.000	.000	.000	.000
NU1		.000	.	.000	.000	.000	.000	.000
NU2		.000	.000	.	.000	.000	.000	.000

	NU3	.000	.000	.000	.	.000	.000	.000
	NU4	.000	.000	.000	.000	.	.000	.000
	NU5	.000	.000	.000	.000	.000	.	.000
	NU6	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.
N	KU	219	219	219	219	219	219	219
	NU1	219	219	219	219	219	219	219
	NU2	219	219	219	219	219	219	219
	NU3	219	219	219	219	219	219	219
	NU4	219	219	219	219	219	219	219
	NU5	219	219	219	219	219	219	219
	NU6	219	219	219	219	219	219	219

Analisis ANOVA dapat memberikan maklumat berangka mengenai variasi dan seberapa kuatnya model yang dapat menjelaskan variasi untuk data dan pemerhatian yang diberikan (Santoso & Oetomo, 2017; Zwanenburg et al., 2011). Berdasarkan kepada jadual 1.4 adalah jumlah kuadrat dari perbezaan antara nilai yang diramalkan dan min dari nilai semua titik data regresi. Dari jadual ANOVA, Mean square regresi adalah 33.33 dan total ujian F adalah 36.1 yang dapat membawa signifikan model ini dengan nilai 0.00. Ini menunjukkan bahawa NU memberi impak yang kuat terhadap kecenderungan pelajar menjadi usahawan.

Jadual 1.4: Analisis ANOVA

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	200.023	6	33.337	36.101	.000 <sup>b</sup>
	Residual	195.767	212	.923		
	Total	395.790	218			

a. Dependent Variable: KU

b. Predictors: (Constant), NU6, NU1, NU5, NU4, NU3, NU2

Hasil analisis pekali coefficient dalam jadual 1.5 mendapati bahawa hanya dua tema yang signifikan dalam pengaruhnya terhadap kecenderungan keusahawanan, iaitu NU3 (hasil pengajian) dengan kadar signifikan 0.012 dan juga NU6 (ekonomi) dengan kadar signifikan 0.00. Ini dapat menunjukkan bahawa hasil pengajian di fakulti Akademi Pengajian Islam Kontemporari dapat membawa kesan kepada keusahawanan pelajar. Manakala faktor ekonomi adalah yang paling signifikan. Kajian ini bertepatan dengan penemuan yang lepas bahawa faktor ekonomi membawa kepada keinginan generasi muda untuk menjadi usahawan dan membuka perniagaan (Ahrari et al., 2019; Dionco-Adetayo, 2006; Sambo, 2016; Shambare, 2013)

Jadual 1.5: Analisis Pekali Coefficients

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	-.046	.402		-.115	.908
	NU1	.076	.079	.066	.964	.336
	NU2	.025	.103	.021	.243	.808
	NU3	.244	.096	.210	2.545	.012
	NU4	.004	.094	.003	.038	.969

NU5	.096	.061	.093	1.585	.115
NU6	.479	.075	.448	6.422	.000

a. *Dependent Variable: KU*

## PENUTUP

Berdasarkan hasil kajian kesemua peramal (NU) memberi kecenderungan kepada pelajar dalam menceburi dan meminati keusahawanan. Manakala bagi peramal (NU) yang memberi signifikan dalam pengaruhnya terhadap kecenderungan pelajar menjadi usahawan iaitu NU3 (hasil pengajian) dan juga NU6 (ekonomi). Model (hasil pengajian) NU3 dan (ekonomi) NU6 memberi pengaruh paling kuat terhadap kecenderungan keusahawanan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, hasil pengajian pelajar di peringkat universiti menjadi pendorong kepada pelajar meminati keusahawanan. Hal ini kerana pelajar di dedahkan berkenaan program keusahawanan dan aplikasi keusahawanan di fakulti. Begitu juga dengan ekonomi yang memberi pendapatan sampingan kepada pelajar dapat memupuk lagi semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar pengajian Islam.

## RUJUKAN

- Abdullah. 2018. *Tinjauan Faktor Kecenderungan Pelajar Ke Arah Keusahawanan: Satu Kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. ICoMM, 467–472.
- Ahrari, S., Krauss, S. E., Ariffin, Z., & Meng, L. K. 2019. *Motivational Factors of Youth Involvement in Social Entrepreneurship in Malaysia*. In *Societal Entrepreneurship and Competitiveness*, Emerald Publishing Limited, hlm. 227–246.
- Asante, E. A., & Affum-Osei, E. 2019. *Entrepreneurship As A Career Choice: The Impact Of Locus Of Control On Aspiring Entrepreneurs' Opportunity Recognition*. *Journal of Business Research*, 98 (October 2018), hlm. 227–235.
- Azwin Darlina, Buang, N. A., & Othman, N. 2021. *Kecenderungan Keusahawanan Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 9–21.
- Dionco-Adetayo, E. A. 2006. *Factors Influencing Attitude Of Youth Towards Entrepreneurship*. *International Journal of Adolescence and Youth*, 13(1–2), hlm. 127–145.
- Eriniwati Aliza Miat. 2014. *Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan Eriniwati*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional.
- Khalil, N. F., Buang, N. A., & Othman, N. 2021. *Literasi Media Sosial Pelajar Politeknik Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Digital*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), hlm. 22–32.
- Korotov, K., Khapova, S. N., & Arthur, M. B. 2011. *Career Entrepreneurship*. *Organizational Dynamics*, 40(2), hlm. 127–135.
- Mohammad Suwardi Mohd Yusof, Noor Azman Abdullah, Lingaswaran Arjunan, & Marina Mustapa Al Bakri. 2017. *Pengaruh Pengalaman Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak*. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 13, 224, 1–23.
- Norasmah Othman, & B. T. Poo. (2012). *Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti*. *Prosiding Perkem VII*, 1, 435–445.
- Norasmah, & Salmah. 2011. *Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa*. *Jurnal Teknologi*, July, hlm. 47–63.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. 2010. *Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (Entrepreneurial Career Aspirations Among IPTA Students)*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), hlm. 11–17.
- Normala. 2009. *Kekuatan Niat Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.

- Ravi Nagarathanam, & Nor Aishah. 2016. *The Relationship between Attitude, Intention, and Entrepreneurship Career Choice among Malaysian Indian Undergraduates*. *Akademika*, 86(02), hlm. 43–52.
- Salmianti. 2013. *Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. *Journal of Techno-Social*, 5(1), hlm. 1–13.
- Sambo, W. 2016. *Factors Affecting Youth Entrepreneurship Development Within Kibera, Kenya: The Perspective Of Entrepreneurship Education*. *Problems and Perspectives in Management*, 14(2).
- Santoso, S., & Oetomo, B. S. D. 2017. *Pengaruh Karakteristik Psikologis, Sikap Berwirausaha, Dan Norma Subyektif Terhadap Niat Berwirausaha*. *Jurnal Manajemen*, 20(3), hlm. 338–352.
- Seng, T. ., Abdullah, A., & Mat Rashid, A. 2019. *The Influence of Selected Factors toward Entrepreneurial Career Aspirations Among Students of Community Colleges*. *Akademika*, 89(3), hlm. 41–52.
- Shambare, R. 2013. *Barriers to Student Entrepreneurship in South Africa*. In *Journal of Economics and Behavioral Studies*, Vol. 5, Issue 7.
- Wan Nawang, W. M. Z., & Mamat, I. 2020. *The Influence of Predictor Factors on Entrepreneurship Career Inclination: Benefit of Entrepreneurship Career as a Mediator/ Pengaruh Faktor Peramal Terhadap Kecenderungan Kerjaya Keusahawanan: Kebaikan Pekerjaan Keusahawanan Sebagai Pengantara*. *Sains Humanika*, 12(2), hlm. 61–69.
- Zwanenburg, G., Hoefsloot, H. C. J., Westerhuis, J. A., Jansen, J. J., & Smilde, A. K. 2011. *ANOVA–Principal Component Analysis and ANOVA–Simultaneous Component Analysis: A Comparison*. *Journal of Chemometrics*, 25(10).

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*